

Surat khabar: Mingguan Sarawak (Tempatan)

Hari/Tarikh: 13/3/2016

Muka surat: 5

Tajuk : Persatuan wanita platform laksana kerja kebajikan

# Persatuan wanita platform laksana kerja kebajikan

FENNY SILONG

**KOTA SAMARAHAN:** Persatuan wanita berpotensi menjadi platform kepada organisasi induk untuk menjalankan kerja-kerja kebajikan yang berupaya menggerakkan minda, kudrat dan jiwa masyarakat setempat. Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Kelu-

arga, Datuk Fatimah Abdullah berkata, persatuan wanita memikul peranan penting dalam mana-mana organisasi awam atau swasta serta badan bukan kerajaan (NGO).

"Justeru, saya melihat Persatuan Wanita Universiti Malaysia Sarawak (MASNITA) amat proaktif dalam usaha melahirkan masyarakat prihatin dan memahami antara satu sama lain,"

katanya. Beliau berkata demikian pada majlis Perasmian Fiesta MASNITA di sini, semalam.

Kata Fatimah, usaha sedemikian selaras dengan aspirasi kerajaan untuk melahirkan masyarakat yang penyayang dan sejahtera.

"Oleh itu, MASNITA perlu mengenal pasti golongan sasaran dalam perancangan aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan

pada masa akan datang," ujarnya.

Terdahulu, Fatimah merasmikan TASKA UNIMAS yang menempatkan sembilan bayi berusia 0 hingga 12 bulan, 13 kanak-kanak berusia 1 hingga 2 tahun manakala 30 lagi berusia 2 hingga 4 tahun.

Turut hadir Naib Canselor UNIMAS, Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Suaidi.



**PERASMIAN ...** Fatimah Abdullah memecahkan belon sebagai simbolik perasmian Fiesta MASNITA sambil diperhatikan oleh Datin Kartini Ahmad (kiri sekali) di UNIMAS di Kota Samarahan, semalam.